



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

NOTIS KEPUTUSAN TAWARAN TENDER BERSEPADU KENDERAAN LUCUT HAK KASTAM DIRAJA MALAYSIA BIL. 4/2024

1. Jawatankuasa Tender Khas Kenderaan Lucut Hak Kastam (JTKKLK) telah bersidang untuk membuat penilaian dan keputusan kepada Tender Bersepadu Kenderaan Lucut Hak Kastam Diraja Malaysia Bil. 4/2024. Tujuan mesyuarat adalah seperti berikut:
 - a. Memutuskan petender-petender yang berjaya; dan
 - b. Menentukan kedudukan ke atas lot-lot kenderaan yang tidak mendapat sebarang tawaran.
2. Perakuan dan keputusan JTKKLK bagi Petender-petender yang berjaya adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Syarat-syarat tawaran kepada petender-petender yang berjaya adalah seperti berikut:
 - a. Petender yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran sepenuhnya dalam tempoh 14 (empat belas) hari bermula dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam tawaran untuk tender Bil. 4/2024 yang dikeluarkan oleh JKDM Negeri.
 - b. Deposit tender tidak akan dikembalikan jika petender yang berjaya gagal membuat pembayaran sepenuhnya atau menarik semula tawarannya dalam tempoh yang telah ditetapkan;
 - c. Bagi lot-lot yang terdapat petender pertama berjaya, kedua berjaya dan ketiga berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada petender kedua berjaya jika petender pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, jika petender kedua berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada petender ketiga berjaya;
 - d. Bagi lot-lot yang terdapat petender berjaya pertama dan kedua berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada petender kedua berjaya jika petender pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan;
 - e. Bagi lot-lot yang terdapat satu petender berjaya sahaja, lot-lot kenderaan berkenaan hendaklah ditender semula jika petender yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.

- f. Pembelian ke atas kenderaan berkenaan adalah dikecualikan daripada Permit Import dan Cukai-Cukai Kastam yang terlibat;
- g. Urusan tukar nama hakmilik kenderaan berkenaan daripada Ketua Pengarah Kastam Malaysia kepada petender yang berjaya hendaklah diselesaikan dalam tempoh **28 (dua puluh lapan)** hari daripada tarikh pembayaran penuh dilaksanakan;
- h. Selepas tempoh di para g tersebut tamat, Ketua Pengarah Kastam Malaysia tidak akan bertanggungjawab secara liabiliti terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, saman, tindakan undang-undang atau tuntutan daripada orang perseorangan dalam penggunaan kenderaan tersebut sama ada untuk tujuan rasmi atau persendirian;
- i. Kenderaan yang ditawarkan hendaklah diambil dan dikeluarkan dari stor / kawasan Kastam tidak lewat 7 (tujuh) hari daripada tarikh pembayaran penuh dijelaskan; dan
- j. Petender yang berjaya tidak dibenarkan membuat kerja-kerja servis atau pemberian kenderaan berkenaan di dalam stor / kawasan Kastam.

Sekian, terima kasih.



26/2/2025
(SITI BINTI MANG)
Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan & Pematuhan)
b.p. Ketua Pengarah Kastam Malaysia